

SINAR HARIAN • RABU 19 JULAI 2017

# Angkasa nafi abai koperasi kecil

NINA FARZUIN MD SHAROM

FOTO : AFIQ RAZALI

**SHAH ALAM** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menepis dakwaan se-setengah pihak mengatakan institusi itu hanya beri tumpuan koperasi berskala besar tanpa mempedulikan anggota yang lebih kecil.

Timbalan Presidennya, Mutadho Bahri berkata, pelbagai program dan bantuan telah dilakukan Angkasa terutama di peringkat komuniti bagi mencapai sasaran ditetapkan.

"Pada 2020, kita menyasarkan supaya dapat menyumbang sehingga RM50 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Walaupun kita belum lagi capai kejayaan 100 peratus, namun usaha ke arah itu masih diteruskan dengan mengadakan pelbagai program yang bertujuan membangunkan koperasi-koperasi tidak kira lahir yang ber-skala besar atau kecil," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, dalam usaha membangunkan golongan koperasi mikro, Angkasa telah menjalankan kerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di mana pembahagian tugas turut dilakukan.

"Dalam usaha ini, kita menujuhkan Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa

Berhad (Kopsya) di mana dana bantuan dapat disediakan kepada pihak yang memerlukan.

"Sékurang-kurangnya dengan Kopsya ini, koperasi-koperasi ini tidak hanya bergantung kepada dana kerajaan semata-mata dan inilah antara peranan yang kita jalankan," katanya.

Mengenai Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa ke-32, beliau menjangkakan penganjuran tahun ini bakal memperlihatkan persaingan sengit terhadap empat jawatan utama institusi itu.

"Tahun lalu persidangan ini tidak diadakan, jadi saya jangkakan pertandingan terhadap jawatan presiden, timbalan presiden dan dua jawatan naib presiden akan berhadapan saingan yang lebih sengit.

"Apatah lagi ia membabitkan dua kumpulan yang masing-masing me-

miliki nama-nama calon yang akan diketengahkan," ujarnya yang mengakui akan mempertahankan jawatannya.

Mengulas lanjut, beliau yakin kejayaan kepimpinan tertinggi sedia ada dalam mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) adalah penanda aras terbaik buat perwakilan membuat penilaian.

"Jika mahu ukur prestasi perlu lah rujuk kepada KPI dan di bawah kepimpinan presiden terkini, kita berjaya capai tahap ditetapkan.

"Perancangan yang dilakukan sejak dua tahun lalu telah berjaya kita laksanakan dan ini adalah satu pencapaian dilihat membantu 13,000 anggota koperasi di bawah kelolaan Angkasa," katanya.

Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa ke-32 akan diadakan pada 21 dan 22 Julai ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia